

Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Dato' Onn,
Kuala Lumpur.

P.M. 10164 Vol 11

29hb. November, 1966.

SURAT PEKELILING 'AM BILANGAN 23 TAHUN 1966
Lagu Kebangsaan

Pada masa yang sudah-sudah, pernah terdapat, Lagu Kebangsaan tidak dimainkan dengan cara yang betul dan tertib sebagaimana yang dikehendaki oleh Surat Pekeliling 'Am Jabatan ini Bilangan 3 Tahun 1959. Pernah juga terdapat bahawa Lagu Kebangsaan telah tidak dimainkan langsung pada akhir majlis-majlis yang bercorak Kebangsaan atau "National" dan juga majlis-majlis yang lain. Oleh hal yang demikian, maka Surat Pekeliling ini adalah diperedarkan dengan tujuan untuk memberi panduan dalam masa hadapan tentang cara-cara bagaimana Lagu Kebangsaan "Negara Ku" harus dimainkan dengan cara yang betul dan sesuai.

Lagu Kebangsaan ada tiga bentuk sebagaimana berikut:

(i) **Lagu "Negara Ku" yang penuh (Full Version of National Anthem):**

Ini ialah salinan untuk diajarkan kepada kanak-kanak sekolah menyanyikannya. Ia boleh juga digunakan di khalayak ramai apabila dinyanyikan atau dimainkan oleh Orkes atau Pancaragam. Walau bagaimanapun apabila digunakan untuk memberi hormat (Salute), salinan penuh ini hanya boleh digunakan untuk memberi hormat kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong atau bagi menghormati D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada masa Baginda menjalankan tanggung-tanggung Yang di-Pertuan Agong atau bagi menghormati seseorang dari Raja-Raja Melayu yang dilantik menjalankan tanggung-tanggung Yang di-Pertuan Agong menurut Undang-Undang Yang di-Pertuan Agong (menjalankan tanggung-tanggung) Tahun 1957, atau boleh digunakan pada masa Panji-Panji di-Raja D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dibuka bagi menandakan kehadiran Baginda.

(ii) **Lagu "Negara . Ku" yang mengandungi lapan (8) baris yang mula-mula dan lapan (8) baris yang penghabisan. (Salinan ringkas atau "Abridge Version"):**

Salinan ini ialah untuk memberi hormat dalam semua Majlis-Majlis Rasmi kepada:

- (a) D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong;
- (b) T2.Y.Y. Gabenor Melaka, Pulau Pinang, Sarawak, dan Yang di-Pertua Negara Sabah;

- (c) Wakil rasmi D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong apabila D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diwakili oleh salah seorang D.Y.M.M. Raja-Raja Melayu.

Dalam perkara ini, Lagu Kebangsaan Negeri D.Y.M.M. Raja Melayu yang berkenaan hendaklah dimainkan dahulu semua sekali kemudian barulah diikuti dengan Lagu Kebangsaan salinan ringkas ini;

- (d) Wakil-wakil Diplomat D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Negeri-Negeri Komonwel dan Negeri-Negeri Asing.

Salinan ini hendaklah juga dimainkan pada masa Majlis Minum Selamat Ke

Bawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diiringi dengan muzik.

(iii) **Salinan ringkas mengandungi lapan (8) baris yang penghabisan.**

Salinan ini dimainkan apabila sahaja tamat sesuatu hiburan dan lakonan. bagi khalayak ramai.

3. Lagu Kebangsaan di Majlis-Majlis Perayaan Persekutuan

Di dalam Majlis-Majlis Perayaan Persekutuan, jika sekiranya D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ataupun wakilnya tidak berangkat hadir, tetapi salah seorang daripada D.Y.M.M. Raja-Raja Melayu ada berangkat hadir, maka Lagu Kebangsaan salinan ringkas hendaklah dimainkan pada akhir Majlis itu iaitu setelah Lagu Kebangsaan Negeri D.Y.M.M. Raja Melayu yang berkenaan itu telah dimainkan.

4. Lagu Kebangsaan yang dimainkan di Majlis-Majlis Perayaan Negeri

- (a) Apabila D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau wakilnya berangkat ke Majlis Perayaan Rasmi Negeri (State Functions), maka lagu "Negara Ku" yang penuh hendaklah dimainkan selepas memainkan Lagu Kebangsaan Negeri yang berkenaan.
- (b) Dalam Majlis-Majlis sama ada rasmi ataupun tidak rasmi di mana wakil D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tiada berangkat hadir, jika hendak memainkan Lagu Kebangsaan "Negara Ku" maka salinan ringkasnya hendaklah dimainkan selepas memainkan Lagu Kebangsaan Negeri yang berkenaan.

5. Menghormati Lagu Kebangsaan

Segala daya usaha hendaklah dijalankan oleh pihak-pihak yang berkenaan dengan cara mengajar dan memberi teladan untuk menggalakkan orang ramai

menghormati Lagu Kebangsaan sewaktu dimainkan iaitu, dengan berdiri dan diam tegak.

6. Lagu Kebangsaan yang penuh (Full Version) tidak sekali-kali boleh dimainkan selain daripada di Mailis-Mailis sebagaimana yang tersebut di perenggan 2(i) di atas. Dalam Majlis-Majlis yang lain sama ada rasmi ataupun tidak rasmi, maka Lagu Kebangsaan salinan ringkas yang mengandungi lapan (8) baris yang mula-mula dan lapan (8) baris yang penghabisan, dan Lagu Kebangsaan salinan ringkas bolehlah dimainkan mengikut perenggan 2(ii) dan (iii) 3 dan 4.
7. Surat Pekeliling Jabatan ini Bilangan 3 tahun 1959 adalah dibatalkan.

Dibahagi-bahagikan kepada:

S.U2.T./S.U2. Kementerian
(Dengan cukup salinan untuk Ketua-Ketua Jabatan)
Y.B. S.U2. Kerajaan Negeri, Malaysia Barat.
Y.B. S.U. Kerajaan Negeri, Sarawak, Kuching.
Y.B. S.U.T. kepada Ketua Menteri.

(TAN SRI ABDUL JAMIL BIN ABDUL RAIS)
Setiausaha Tetap,
Jabatan Perdana Menteri.

KP. 8786/Jld.10/(140)

Kementerian Pelajaran Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur 01-34.
30hb. Mei, 1975.

Semua Pengarah Pelajaran,

Negeri-negeri Semenanjung Malaysia,
Sabah & Sarawak.


Pengarah Latihan Guru.

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL.4 / 75
Nyanyian Lagu Kebangsaan "Negaraku"

Lagu Kebangsaan "Negaraku" adalah sebuah lagu yang sering kali dinyanyikan di sekolah-sekolah dan juga di maktab-maktab perguruan, dan dalam masa-masa yang lampau. Khususnya di perhimpunan-perhimpunan yang besar. Lagu ini pernah dinyanyikan berpadu suara (in chorus). Ini merupakan suatu perubahan kepada nyanyian Lagu tersebut. Pihak Jabatan Perdana Menteri telah mengkaji perkara ini dengan sedalamdalamnya dan telah memutuskan bahawa nyanyian Lagu Kebangsaan ini tidaklah seharusnya dipadu-suarkan tetapi sebaliknya hendaklah dinyanyikan dengan penuh dedikasi dalam satu suara sahaja.

2. Kita sedia maklum bahawa Lagu Kebangsaan ini adalah dinyanyikan oleh segenap lapisan rakyat di negara ini dan oleh itu kiranya Lagu ini dinyanyikan secara padu suara dipercayai lama-kelamaan, pada suatu ketika nanti, Lagu ini menjadi satu lagu biasa dan akan dimain-mainkan sahaja. Oleh yang demikian Lagu Kebangsaan ini hendaklah dinyanyikan dalam satu suara sahaja sebagaimana didapati dalam skrip muzik.

3. Harap maklumkan kandungan surat ini kepada semua pihak yang berkenaan di sekolah-sekolah dan di maktab-maktab perguruan dalam jagaan tuan.



(KUM BOO)

Bahagian Sekolah-sekolah,
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran.

s.k.

S.U. Sulit kepada Y.B. Menteri Pelajaran Malaysia.

S.U. Sulit kepada Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia.

Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Ketua Pengarah Pelajaran.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran.

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran I dan II.

Semua Ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran.

Pengarah, Maktab Tentera Diraja, Sungai Besi.

Setiausaha Politik.

Pegawai Khas I, II dan III kepada Y.B. Menteri Pelajaran.

Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perdana Menteri.

(u.p. Encik Zakaria b. Datuk Haji Ahmad, AMN).

MJ/sm.

Ref: K.P. 8609/1(79)

Kementerian Pelajaran Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur 01-34

8hb. September, 1975

Semua Pengarah Pelajaran,
Negeri-negeri Semenanjung Malaysia,
Sabah/Sarawak.

Semua Pengetua,
Maktab-maktab Perguruan.

Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1975

1. Menyanyi Lagu Kebangsaan/Lagu Negeri
dan
2. Mengibar Bendera Persekutuan/Bendera Negeri di
Sekolah-sekolah/Maktab-Maktab Perguruan _____.

Seperti negara-negara berdaulat yang lain Malaysia juga mempunyai simbol-simbol kebangsaannya sendiri, di antaranya ialah Lagu Kebangsaan dan Bendera Persekutuan. Oleh kerana Malaysia mempunyai kerajaan yang berbentuk persekutuan maka tiap-tiap negeri dalam Persekutuan Malaysia itu juga mempunyai simbol-simbol negeri masing-masing, di antaranya ialah Lagu Negeri dan Bendera Negeri. Simbol-simbol tersebut di antara lain adalah melambangkan kedaulatan negeri dan negara dan tumpuan kesetiaan dan perpaduan rakyat dan oleh yang demikian sewajarnya dihormati dan dipermuliakan oleh segenap lapisan rakyat.

2. Murid-murid sekolah dan penuntut-penuntut maktab perguruan merupakan sebilangan daripada rakyat negara ini. Untuk menanam dan menyuburkan semangat patriotisma, taat setia dan cinta kepada Raja dan Negara di kalangan mereka itu maka amatlah wajar sekiranya simbol-simbol yang disebutkan itu didedahkan lebih kerap lagi kepada mereka sekalian. Bagi mencapai maksud ini maka semua Guru Besar sekolah dan Pengetua maktab Perguruan hendaklah mengikut dan mematuhi peraturan-peraturan sebagaimana dinyatakan di bawah ini.

3. Penjelasan mengenai Lagu Kebangsaan,/ Lagu Negeri.
 - 3.1. Mainan Lagu Kebangsaan

Peraturan-peraturan lanjut mengenai mainan Lagu Kebangsaan adalah diterangkan dalam Surat Pekeliling Am Bil. 23 Tahun 1966 bertarikh 29hb. November, 1966 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

- 3.2. Mainan Lagu Negeri

Mainan Lagu Negeri adalah tertakluk kepada cara-cara yang diamalkan oleh masing-masing negeri.

4. Menyanyi Lagu Kebangsaan / Lagu Negeri

4.1..Lagu Kebangsaan hendaklah dinyanyikan dalam perhimpunan mingguan sekolah/maktab perguruan dan, melainkan telah diarah terlebih dahulu, dalam perhimpunan-perhimpunan yang berikut:-

- (i) Hari-hari ucapan, penyampaian hadiah dan hari ibu bapa;
- (ii) Hari sukan sekolah/maktab perguruan;
- (iii) Perhimpunan sukan sekolah/maktab perguruan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan;
- (iv) Perhimpunan yang dianjurkan dan dikelolakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri/ Kernenterian Pelajaran. Dalam perkara ini pihak penganjur hendaklah

mempastikan bahawa nyanyian beramai-ramai atau koir itu dapat dilakukan dengan sempurna;

- (v) Perhimpunan yang dikelolakan oleh lain-lain badan Kerajaan sekiranya diminta oleh pihak penganjur perhimpunan berkenaan.

4.2 Lagu Negeri hanya dinyanyikan apabila perlu dan tertakluk kepada cara-cara yang diamalkan oleh negeri masing-masing.

Peringatan

Jika dalam sesuatu perhimpunan itu ada dikhaskan pancaragam atau rakaman lagu untuk memainkan Lagu Kebangsaan, murid-murid sekolah/penuntut-penuntut maktab perguruan tidak perlu menyanyi jika pancaragam/rakaman lagu itu bermain:-

1. Untuk memberi Hormat Diraja (DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung sendiri berangkat hadir dalam perhimpunan itu).
2. Bentuk ringkas.
3. Bentuk pendek.

5. Penjelasan Mengenai Mengibar Bendera Persekutuan/Bendera Negeri

5.1. Bendera Persekutuan

Berpandukan kepada surat Pekeliling Am Bil. 7 Tahun 1957 bertarikh 18hb. Disember, 1957 dan Surat Pekeliling Am Bil. 4 Tahun 1960 bertarikh 15hb. September, 1960, keluaran Jabatan Perdana Menteri, Bendera Persekutuan hendaklah dikibarkan pada tiap-tiap hari sekolah diadakan dan wajib pada hari-hari berikut:-

- (i) Hari Keputeraan rasmi DYNIM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung;
- (ii) Hari Kebangsaan;
- (iii) Lawatan rasmi DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung ke negeri berkenaan;
- (iv) Pada hari-hari lain yang diarahkan oleh Kerajaan.

Pada hari-hari ini Bendera Persekutuan hendaklah diberi keutamaan daripada bendera-bendera lain.

5.2. Bendera Negeri

Bendera Negeri boleh dikibarkan pada tiap-tiap hari sekolah diadakan dan wajib pada hari-hari yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Pada hari-hari tersebut Bendera Negeri hendaklah diberi keutamaan.

6. Perhimpunan Mingguan Sekolah/Maktab Perguruan

Tiap-tiap sekolah dan maktab perguruan hendaklah mengadakan perhimpunan sekurang-kurangnya sekali seminggu untuk melakukan upacara menaikkan/memecahkan bendera dan menyanyi Lagu Kebangsaan. Susunan acaranya adalah seperti salah satu yang berikut:-

(i) Menaikkan Bendera

(a) Bendera Negeri hendaklah dikibarkan dahulu.

(b) Bendera Persekutuan dinaikkan perlahan-lahan, sambil perhimpunan

menyanyikan Lagu Kebangsaan. Apabila tamat nyanyian Lagu itu, Bendera pun sampai ke puncak tiang bendera.

(ii) Memecahkan Bendera

(a) Bendera Negeri dikibarkan dahulu, sementara Bendera Persekutuan tinggal terikat di puncak tiang bendera.

(b) Apabila Bendera Persekutuan dipecahkan perhimpunan menyanyi lagu Kebangsaan hingga tamat.

7. Memupuk Kehormatan Terhadap Lagu Kebangsaan / Lagu Negeri dan Bendera Persekutuan/Bendera Negeri

7.1. Berdiri Tegak Sebagai Tanda Hormat

Guru Besar sekolah/Pengetua maktab perguruan hendaklah melatih murid-murid/penuntut-penuntut mereka supaya berdiri tegak dan berdiam diri, jika tidak bernyanyi, di waktu Lagu Kebangsaan/Negeri dimainkan atau dinyanyikan di mana-mana sahaja. Demikian juga di waktu upacara Bendera Persekutuan/Negeri dinaik atau dipecah dan diturunkan di mana-mana sahaja murid-murid dan penuntut-penuntut hendaklah berdiri tegak. Berdiri tegak ini merupakan suatu tanda penghormatan daripada seorang rakyat terhadap simbol-simbol negeri dan negaranya.

7.2. Memelihara Bendera-bendera


Perkara yang berikut perlu diambil perhatian oleh semua Guru Besar sekolah dan Pengetua maktab perguruan:-

- (i) Turun dan simpankan Bendera-bendera pada waktu hujan dan kibarkan semula setelah hujan berhenti, jika sekolah/maktab belum bersurai.
- (ii) Turunkan Bendera-bendera pada pukul 6.00 petang atau pada waktu sekolah petang bersurai.
- (iii) Bendera-bendera hendaklah dilipat dan disimpan dengan cermat dan yang telah luntur dan koyak hendaklah diganti baru.

8. Harap maklumkan kandungan pekeliling ini kepada semua yang berkenaan untuk tindakan mereka sewajarnya.

9. Dengan pekeliling ini maka perenggan 1, 3, 4,5 dan 6 Surat Pekeliling Am Bil 3 Kementerian Pelajaran, rujukan KP. 5209/33/(6), bertarikh 20hb. November, 1965 ada dimansuhkan.

Saya yang menurut perintah,



(Kum Boo)
b.p. Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran.

s.k. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Menteri Pelajaran.
Setiausaha Sulit kepada Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran.
Ketua Setiausaha.
Ketua Pengarah Pelajaran
Timbalan Ketua Setiausaha.
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (I).
Semua Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran.
Pegawai Khas kepada Y.B.M. - (I), (II) dan (III).

YJ/KB/rt